KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SIARAN MEDIA

UCAPAN TAKZIAH KEPADA KELUARGA AHLI JAWATANKUASA PEMBANGUNAN DAN KESELAMATAN KAMPUNG PERSEKUTUAN

Seluruh warga Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) ingin menzahirkan rasa dukacita dan merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Md. Abadi bin Haji Hassan yang merupakan Ahli Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP) Kg. Sungai Duri, Nibong Tebal, Pulau Pinang yang meninggal dunia pada petang ini, 21 November 2024 sekitar jam 2.30 petang.

Allahyarham Md. Abadi, 59 tahun, telah mendapat serangan jantung ketika menghadiri Majlis Anugerah Aspirasi Desa Madani 2024 anjuran KKDW di MAEPS Serdang, Selangor. Allahyarham telah disahkan meninggal dunia di Hospital Serdang.

KKDW ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di atas bantuan membawa pulang jenazah ke Pulau Pinang untuk dikebumikan di kampung halaman Allahyarham di Kg. Sungai Duri, Nibong Tebal.

KKDW juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Allahyarham di atas khidmat dan sumbangan bakti sebagai Ahli JPKKP. Allahyarham juga merupakan Veteran ATM.

Pihak KKDW berharap agar keluarga Allahyarham tabah dan sabar dalam berdepan dengan kehilangan ini. Semoga Allahyarham ditempatkan dalam kalangan orang yang beriman dan beramal soleh.

Disediakan oleh:
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
21 November 2024